

Tradewinds minat bangunkan BB Plaza

KUALA LUMPUR 26 Jun - UDA Holdings Bhd. (UDA Holdings) masih menunggu keputusan Kementerian Kewangan berhubung cadangan Tradewinds (M) Bhd. yang berminat untuk bekerjasama bagi membangunkan semula Bukit Bintang Plaza (BB Plaza) di sini.

Pembangunan semula BB Plaza itu adalah sebagai memberi laluan kepada projek integrasi pengangkutan My Rapid Transit (MRT) oleh Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp.)

Naib Presiden Kanan Pengurusan Hartanahnya, Syed Ahmad Nazri Syed Kamaruzaman berkata, setakat ini, Tradewinds merupakan satu-satunya syarikat yang telah menghantar

kertas cadangan berhubung pembangunan semula kompleks ikon bumiputera itu.

Katanya, selain Tradewinds, beberapa pihak lain turut menyatakan minat untuk bekerjasama dengan UDA Holdings bagi tujuan yang sama.

"Kami di sini masih menunggu keputusan Kementerian Kewangan sama ada kerjasama itu dibenarkan ataupun tidak," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis taklimat projek My Rapid Transit (MRT) yang akan melibatkan kompleks BB Plaza di sini hari ini.

Hadir pada majlis itu ialah Pengarah Urusan Kumpulan UDA Holdings,

Ahmad Abu Bakar.

Terdahulu, hampir 200 penyewa BB Plaza hari ini telah memamatkan sesi taklimat bersama UDA Holdings dengan persoalan-persoalan berkaitan masa depan penyewa kompleks itu.

Sesi taklimat itu telah berlangsung lebih dua jam dan mereka (para penyewa) telah mengajukan pelbagai persoalan terutamanya mengenai kedudukan masing-masing selepas BB Plaza dirobohkan.

Wakil peniaga BB Plaza, Hassan Saad ketika ditemui pemberita berkata, pihaknya mahukan jaminan supaya para penyewa mendapat pembelaan selepas kompleks beli-belah itu dirobohkan.



AHMAD Abu Bakar (kiri) dan Syed Ahmad Nazri Syed Kamaruzaman pada sidang media selepas menghadiri majlis taklimat projek MRT dan sesi bersama para penyewa kompleks BB Plaza di pejabat UDA Holdings, Kuala Lumpur, semalam.